

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4Jld 4 (1))

Tarikh: 06 Jun 2024

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2024

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Yang Berhormat Prof. Dato'/YBhg. Prof/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN DAN KADAR PEMBIAYAAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai Garis Panduan dan kadar Pembiayaan Projek Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2024 bertarikh 24 Mac 2024 telah bersetuju dan meluluskan pindaan garis panduan dan kadar pembiayaan Projek Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.2 Pindaan adalah kepada penambahbaikan aspek pembiayaan yang selaras dengan perubahan semasa seperti perluasan skop penggunaan kadar pembiayaan kepada projek selain projek akhir pelajar, pembelian data atau kandungan (*content*) di laman web dalam dan luar negara, pembelian perisian dan lain-lain aspek; semasa menyelesaikan projek akhir tahun pelajar mahupun menyelesaikan projek-projek yang berkaitan didalam program yang diambil.

3.0 KADAR PEMBIAYAAN PROJEK PELAJAR UTHM

- 3.1 Kadar bagi pembiayaan projek pelajar disepanjang tempoh pengajian adalah seperti berikut :-

BIL.	PERINGKAT PENGAJIAN	KADAR / PELAJAR (RM)	SUMBER
1	Diploma	≤100.00	Peruntukan Mengurus / Tabung
2	Sarjana Muda	≤300.00	Peruntukan Mengurus / Tabung
3	Sarjana <ul style="list-style-type: none"> • Kerja Kursus / Mod Campuran • Penyelidikan 	≤500.00 ≤750.00	Tabung dari yuran pelajar
4	Doktor Falsafah	≤1000.00	Tabung dari yuran pelajar

- 3.2 Kadar pekeliling ini adalah layak dipohon untuk semua pelajar perdana diperingkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 3.3 Kadar yang dinyatakan ini merupakan insentif yang diberi kepada pelajar dan sepenuhnya bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Universiti sama ada dari peruntukan mengurus atau kewangan tabung.
- 3.4 Fakulti/Pusat adalah diberi kuasa dan tanggungjawab sama ada meluluskan mengikut kadar dinyatakan atau lebih rendah daripada kadar tersebut bergantung kepada kemampuan kewangan yang diperolehi oleh Fakulti/Pusat.

4.0 SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN PROJEK

- 4.1 Syarat-syarat pembiayaan projek adalah seperti berikut-
- 4.1.1 Projek yang dijalankan merupakan aplikasi daripada pengetahuan teori yang diperolehi daripada kuliah dan merupakan syarat khusus untuk memenuhi keperluan program tersebut atau satu bentuk program yang merupakan syarat wajib yang telah ditetapkan oleh mana-mana badan/pertubuhan dan sebagainya; yang mengakreditasi program akademik tersebut, samaada dilaksanakan secara perseorangan atau berkumpulan.
- 4.1.2 Sebahagian besar projek adalah berbentuk produk yang memerlukan komponen elektrik dan elektronik, perkakasan dan sebagainya.

- 4.1.3 Sebahagian daripada projek juga mengambil kira aspek-aspek berdasarkan kepada rekabentuk, keperluan industri dan projek berkaitan melibatkan sewaan bengkel atau upah bagi melaksanakan pengubahsuaian terhadap sesuatu mesin atau peralatan sedia ada.
 - 4.1.4 Sebahagian projek juga diperuntukan bagi pelajar penyelidikan dari segi keperluan penyelidikan seperti bahan-bahan serta aksesori yang kecil bagi tujuan kesempurnaan kualiti projek termasuk kos cetakan borang soal selidik (perlu disahkan oleh penyelia).
 - 4.1.5 Terdapat projek yang melibatkan pembelian pelan dan peta topo dari Jabatan Ukur dan Pemetaan, serta pembelian maklumat dan data dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) atau agensi-agensi lain didalam dan diluar negara. Pembelian adalah secara fizikal atau langganan (*subscription*) bertempoh (tidak lebih dari tempoh projek) dan dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh projek; dari pelbagai laman web.
- 4.2 Walaubagaimanapun, syarat pembiayaan adalah tertakluk kepada kelulusan penyelia dan Dekan Fakulti / Pusat masing-masing dengan syarat tidak melebihi peruntukan keseluruhan projek pelajar.
- 4.3 Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dibenarkan menggunakan pembiayaan projek adalah seperti berikut-
 - 4.3.1 Pembelian aset dan inventori.
 - 4.3.2 Pembelian buku dan alat tulis.
 - 4.3.3 Tuntutan perjalanan seperti bayaran minyak, tiket pengangkutan awam dan lain-lain perjalanan.
 - 4.3.4 Pembelian bahan-bahan kimia (Perlu disediakan oleh pihak PTJ kerana melibatkan Garis panduan kawalan Bahan Kimia oleh pihak OSHE)
- 4.4 Bagi perisian atau perisian berbentuk langganan (*subscription/software as a service*), pemohon perlu mendapatkan perisian tersebut daripada pihak fakulti/pusat atau Pusat Teknologi Maklumat (PTM). Sekiranya tiada didalam rekod pihak fakulti/pusat dan PTM, perisian atau perisian berbentuk langganan tersebut hendaklah di akui keperluannya oleh penyelia projek dan mendapat kelulusan pihak PTM (bagi perisian atau langganan yang bernilai RM500 dan keatas) sebelum pembelian dilaksanakan.

Pembelian perisian atau perisian berbentuk langganan adalah bagi penggunaan *one-off* sahaja dan tidak melebihi tempoh projek. Sebarang pembaharuan kepada perisian adalah tidak dibenarkan. Perisian perlulah di serahkan kepada pihak PTM selepas projek tamat bagi kegunaan pemohon yang lain.

5.0 KAEADAH PELAKSANAAN

- 5.1 Setiap pemohon perlu mengisi borang yang telah ditetapkan. Sekiranya tuntutan secara berkumpulan, hanya seorang wakil sahaja yang perlu mengisi borang tuntutan. Carta alir tuntutan bagi projek pelajar adalah seperti di Lampiran 1.
- 5.2 Setiap pelajar hanya layak menuntut satu kelayakan pembiayaan sahaja mengikut peringkat pengajian di UTHM.
- 5.3 Sekiranya pelajar belum menggunakan sepenuhnya kelayakan tersebut pada tahun yang sama, baki kelayakan boleh digunakan untuk tahun berikutnya. Baki kelayakan ini perlu dipantau dan disahkan oleh penyelia projek. Bagaimanapun, penggunaan baki kelayakan ini adalah atas kelulusan penyelia dan Dekan fakulti masing-masing.
- 5.4 Baki kelayakan akan luput sekiranya projek telah disahkan tamat atau pelajar telah tamat pengajian.
- 5.5 Setiap tuntutan mestilah disertakan dengan:-
 - 5.5.1 Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh penyelia projek, Dekan atau pegawai yang bertanggungjawab mengawal peruntukan PTj
 - 5.5.2 Semua resit perlu disahkan oleh penyelia projek.
 - 5.5.3 Semua resit perbelanjaan projek pelajar perlu dikemukakan dalam tahun yang sama dengan perbelanjaan dibuat.
- 5.6 Sebarang tuntutan yang melangkaui tahun kewangan tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran.
- 5.7 Kaedah tuntutan dan prosedur pembelian adalah tertakluk kepada tatacara kewangan yang berkuatkuasa.
- 5.8 Sekiranya projek dijalankan didalam kumpulan, kelayakan atau baki kelayakan boleh digabungkan untuk melaksanakan pembelian bahan-bahan dan perbelanjaan

perkara-perkara yang dibenarkan seperti di perkara 4.0 dan dituntut oleh seorang wakil sahaja dari kumpulan tersebut. Pelajar lain didalam kumpulan yang sama perlu menandatangani akujanji yang menyatakan bahawa setiap ahli kumpulan maklum tentang tuntutan tersebut dan tidak akan mengemukakan tuntutan yang bertindih. Akujanji tersebut perlu dikemukakan bersama tuntutan.

6.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa untuk tuntutan projek pelajar mulai semester 2 2023/2024.

7.0 PEMBATALAN


Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 3/2016 berkenaan Garis Panduan Dan Kadar Pembentangan Projek Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah dibatalkan.

Kerjasama dari Yang Berhormat Prof. Dato'/YBhg. Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada staf dan pelajar fakulti/pusat masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”

Yang Benar,


NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k - Yang Berhormat Dato' Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- YBhg. Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
- Ketua Unit Audit Dalam

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR BAGI TUNTUTAN PROJEK PELAJAR DIPLOMA, SARJANA MUDA,
SARJANA (KERJA KURSUS / MOD CAMPURAN), SARJANA (PENYELIDIKAN) DAN
DOKTOR FALSAFAH (PHD)**

